


111 bot nelayan Vietnam bernilai RM27.5 juta dilupuskan jadi tukun tiruan

KUALA TERENGGANU: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu berjaya melupuskan 111 bot nelayan Vietnam yang telah dilucut hak sejak 2020 sehingga kini.

Menurut Timbalan Pengarah Operasi APMM negeri, Komanter Maritim Mohd. Firdaus Mohd. Anuar, anggaran nilai perolehan asal kesemua 111 bot berkenaan adalah sebanyak RM27.5 juta.

Menurutnya, jumlah itu termasuk sembilan bot Vietnam bernilai RM1.7 juta yang telah dilupuskan secara tenggelam untuk dijadikan tukun tiruan di perairan Terengganu sejak Januari tahun ini.

“Dua kaedah pelupusan yang dilaksanakan adalah secara musnah pecah atau tenggelam sebagai tukun dan kesemua bot ini adalah yang ditahan dalam Op Kuda Laut serta Op Naga



SALAH sebuah bot nelayan Vietnam yang dilupuskan menjadi tukun tiruan di perairan Pulau Kapas, Terengganu, semalam.

Barat sejak 2020.

“Pada 19 April lalu, kami juga melakukan pelupusan secara musnah pecah bagi empat bot nelayan asing bernilai RM450,000 selepas menerima

perintah mahkamah.

“Bagi bot yang dilupuskan secara tenggelam, ia akan dijadikan tukun tiruan di perairan Pulau Kapas, Redang dan Bidong sebagai usaha memulihara dan

menggalakkan biodiversiti marin,” katanya.

Mohd. Firdaus berkata demikian selepas program pelupusan tiga bot nelayan Vietnam bernilai RM800,000 di sekitar perairan Pulau Kapas di sini, semalam.

Beliau berkata, ketiga-tiga bot terbabit ditahan pada 2022 dan 2023 serta selesai menjalani proses perundangan untuk dilucut hak oleh mahkamah.

Menurut Mohd. Firdaus, Maritim Malaysia Terengganu masih mempunyai tujuh buah bot nelayan asing juga dari Vietnam yang sudah mendapat kelulusan dan akan dilupuskan pada tahun ini.

“Kami sentiasa berusaha memastikan kesejahteraan perairan negara daripada dicerobohi nelayan asing dan pelupusan ini juga adalah usaha meningkatkan kelestarian hidupan marin,” tambah beliau.